



REALITI HIDUP DI KOTA

Elak buat pinjaman, hutang baharu

DALAM situasi ekonomi semasa tempatan dan global, kenaikan harga barang dan perkhidmatan memberi kesan secara langsung kepada peningkatan kos sara hidup menyebabkan kuasa beli pengguna berkurangan.

Ini kerana, kuasa membeli merujuk kepada kemampuan pengguna memperoleh barang atau perkhidmatan dengan pendapatan boleh gunanya.

Ketua Pakar Kewangan Pengguna, Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr Mohamad Fazli Sabri berkata, antara kaedah terbaik dalam situasi tersebut ialah perlu mengelak membuat pinjaman atau hutang baharu.

"Elak buat pinjaman atau hutang baru kerana biasanya institusi kewangan akan kenakan kadar faedah lebih tinggi dalam suasana ekonomi tidak menentu. Kesannya, pengguna terpaksa bayar lebih untuk nilai pinjaman yang sama semasa suasana ekonomi baik dan stabil."

"Cuba untuk langsaikan pinjaman secepat

mungkin kerana bayaran ke atas kadar faedah dapat dikurangkan. Ini dapat bantu meningkatkan pendapatan boleh guna seseorang," katanya.

Selain itu katanya, sentiasa mencari jalan untuk menambah pendapatan dengan melakukan kerja-kerja sampingan.

"Cuba cari jalan jana pendapatan tambahan untuk diri dan keluarga sama ada melakukan kerja sampingan, menjalankan perniagaan atas talian atau guna kemahiran yang ada seperti memasak, menjahit atau buat tuisyen," katanya.

Tambahnya, komunikasi dengan keluarga juga penting supaya kedudukan kewangan sentiasa difahami bagi mengelakkan konflik.

"Anda perlu kerap berbincang bersama pasangan dan ahli keluarga berkaitan kewangan keluarga. Utamakan pembelian atau perbelanjaan ke atas perkara yang penting berbanding kehendak."

"Ambil insurans dengan nilai premium minima dan mempunyai perlindungan risiko memandangkan kos rawatan perubatan semakin meningkat saban tahun," katanya.

INFO

TIP-TIP PENGURUSAN KEWANGAN BIJAK BAGI MEREKA TINGGAL DI BANDAR

- Berbelanja di kedai atau pusat membeli beli-belah yang menawarkan harga lebih murah dan berpatutan seperti Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M).
- Kurangkan mengunjungi pusat beli-belah.
- Kurangkan makan di luar, restoran makan segera.
- Bawa bekal dari rumah ke pejabat untuk sarapan pagi atau makan tengah hari. Juga boleh menyediakan makanan sejuk beku.
- Guna kenderaan awam ke tempat kerja.
- Kongsi kenderaan bagi mereka yang tinggal berhampiran dan bekerja di tempat sama.
- Tebus mata ganjaran dari kedai yang ambil bahagian.
- Pembelian secara atas talian dapat menjimatkan masa (elak kesesakan), tenaga dan wang ringgit (tol, parkir, duit minyak).

PUNCA GAGAL URUSKAN KEWANGAN WALAU PUN BERGAJI BESAR

- Mempunyai keinginan dan kehendak yang pelbagai dan sukar dipenuhi dalam satu-satu masa. Bak kata pepatah 'besar periuk besarlah keraknya'.
- Tidak menyediakan rancangan perbelanjaan (bajet). Lantaran itu, berbelanja melebihi pendapatan walaupun bergaji besar.
- Gemar membuat pinjaman atau hutang baharu dengan alasan bergaji besar dan mampu untuk membuat bayaran ansuran.
- Terlalu pentingkan kebendaan (materialistik), jenama serta hiburan (hedonisme).
- Mempunyai mentaliti bahawa mereka pandai mengurus wang dan tidak perlu mempelajari soal pengurusan kewangan.
- Suka pada kekayaan menyebabkan mudah dipengaruhi ejen pelaburan yang menjanjikan pulangan pelaburan lumayan (financial scam).